

**Anwar: Dakwaan komunis, Kristian mahu alih perhatian
Malaysiakini.com
June 29, 2011**

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim membidas dakwaan penentang Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) kononnya gabungan itu dikendalikan oleh komunis dan Kristian.

Menyifatkan dakwaan sebagai satu "tindakan untuk mengalih pandangan", ahli parlimen Permatang Pauh itu berkata ia hanyalah taktik untuk mengalih tumpuan daripada "isu utama", iaitu tuntutan pilihan raya yang bersih dan kebebasan untuk berhimpun secara aman.

Katanya, mereka melabelkan orang sebagai komunis dan menentang Yang di-Pertuan Agong.

"Ini semua nak alih pandangan," kata Anwar sambil menambah bahawa sekarang mereka mengatakan Kristian turut campur dan membiayai perhimpunan.

Anwar memberitahu pemberita demikian selepas menghadiri perbincangan ekonomi di Klang pagi ini.

Tiga puluh aktivis Parti Sosialis Malaysia (PSM) aktivis ditahan Sabtu lalu atas dakwaan memerangi Yang di-Pertuan Agong.

Polis mendakwa mereka cuba menghidupkan semula komunisme selepas menmui risalah dengan nama orang yang didakwa ada kaitan dengan Parti Komunis Malaya yang diharamkan.

Mereka ditahan semasa menaiki bas di plaza tol Sungai Dua, Pulau Pinang dan kini ditahan reman.